

# SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 25 (April, 2007M:Rabiulawal/akhir, 1428H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

## AL-MIZAN - NERACA TIMBANGAN

Ketahuilah, bahawa sebagaimana tersingkap dalam suatu riwayat, **mizan** (neraca timbangan amal perbuatan dihari akhirat) yang digunakan untuk menimbang amal perbuatan para manusia dalam pengadilan Tuhan itu wujudnya juga mempunyai dua buah tapak. Ada pun yang ditimbang disitu adalah catatan buku atau kitab amalan perbuatan yang tulis oleh malaikat Raqib dan 'Atid ketika manusia itu masih hidup di dunia ini. Sedangkan sifat dan keadaan mizan itu (besar atau kecilnya, panjang atau lebarnya serta tinggi atau pendeknya) sudah barang tentu tidak dapat kita gambarkan sendiri secara pasti.

Tegaknya **mizan** (neraca timbangan dihari kiamat) dalam pengadilan Mahkamah Allah itu adalah untuk lebih menyempurnakan terlaksananya penelitian dan pemeriksaan (hisab) dalam sidang Mahkamah Allah dihari kiamat dan juga agar benar-benar nyata sekali betapa agungnya sifat Kebijaksanaan dan Keadilan Hakim yang Maha Adil (Allah S.W.T) dalam menjatuhkan putusan perbicaraanNya. Maka segala data-data ketaatan mahupun pelanggaran hukum manusia, baik berupa ucapan, gerakan perbuatan mahu pun perencanaan kebaikan dan kejahatan yang semuanya itu telah dipotret, dirakam dan dicatat oleh pendakwa yang dalam hal ini adalah Raqib dan 'Atid, ditimbanglah dengan neraca atau timbangan (mizan) itu.

Mengenai pemasangan timbangan pada hari kiamat dalam mahkamah Allah itu kesahihannya telah difirmankan oleh Allah Taala dalam Al-Quran yang bermaksud: *"kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat. Maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikit pun. Dan jika amal itu hanya seberat biji sawi pun pasti Kami mendatangkan pahalanya. Dan cukuplah Kami menjadi orang-orang yang membuat perhitungan."* Surah Al-Anbiya' ayat 47.

Ayat ini memberikan pengertian kepada kita, bahawa dalam penimbangan amal perbuatan yang (telah dicatat dalam kitab catatan amal) dihari kiamat nanti. Allah akan menimbangnyanya dengan cara yang seteliti-telitinya, yakni tidak dengan cara sambil lewa dan borong saja. Sampai amal yang seberat biji sawi pun tetap akan diperhitungkan. Dalam hal ini menunjukkan pula bahawa Allah adalah Maha Adil, Dialah hakim yang seadil-adilnya dalam menjatuhkan putusan perbicaraan mahkamahNya di Padang Mahsyar (di hari kiamat) kelak.

Adapun ayat lain yang mengemukakan dengan jelas tentang adanya timbangan amal dihari kiamat adalah sebagaimana Firman Allah S.W.T yang bermaksud: *"Timbangan pada hari itu adalah kebenaran (keadilan)."* Surah Al-A'raf ayat 8.

Setelah dilaksanakan adanya penimbangan kitab catatan amal, maka sudah barang tentu ada yang lebih amal berat amal kebajikannya daripada amal keburukan dan kejahatannya, dan ada pula yang amal kebajikannya lebih ringan dari amal keburukan dan kejahatannya yang telah dilakukan selama hidupnya dialam dunia yang fana' ini.

Ada pun bagi orang-orang yang lebih berat timbangan amal kebajikannya, merekalah orang-orang yang beruntung (berjaya) dan akan memperoleh kehidupan yang penuh kebahagiaan, keselamatan, kesenangan dan kenikmatan (Syurga).

bersambung di muka 2

### Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/05 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
02/05 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
03/05 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
04/05 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yakob	Feqah
05/05 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
06/05 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
07/05 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
08/05 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
09/05 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
10/05 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
11/05 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
12/05 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
13/05 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
14/05 (Isnin)	Ust. Mohd Fadzil Ismail	Umum
15/05 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
16/05 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
17/05 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
18/05 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Feqah
19/05 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
20/05 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
21/05 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
22/05 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
23/05 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
24/05 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
25/05 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
26/05 (Sabtu)	Dr. Abd Shatar Sabran (UPM)	Motivasi
27/05 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
28/05 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
29/05 (Selasa)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
30/05 (Rabu)	Ust. Shakir Husin Khalid	Umum
31/05 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	

#### Kuliah Khas HELWA

Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Jumaat 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

#### Kuliah Suboh

05/05 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
06/05 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abdul Wahab	Hadith
12/05 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
13/05 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
19/05 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
20/05 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
26/05 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
27/05 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'topok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

#### PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan


— Biro Penerbitan & Penerangan

Catatan beberapa siri Kuliah Ust Ahmad Lutfi Abd Wahab, Pegawai Agama Surau al Ulum KD9.

1. Bersyukurlah kita kerana menjadi segelintir hamba Allah yang terpilih menghadiri majlis ilmu
2. Penghinaan terhadap Nabi SAW sudah sampai ketahap teruk lantaran tidak mengenali Rasulullah (orang Islam sendiri) atau dengki terhadap Islam (khususnya orang kafir)
3. Sebagai orang Islam kita wajib membela Rasulullah dari sebarang penghinaan. Dizaman Rasulullah orang yang menghina Nabi saw akan dijatuhi hukum bunuh
4. Bala bagi sesebuah negara sekiranya ada rakyatnya mengaku Nabi; wajib untuk memerangnya
5. Barangsiapa yang menyakiti Nabi saw akan mendapat laknat Allah dan azab yang pedih
6. Orang yang tidak kenal Rasulullah dikhuatiri tidak sah imannya
7. Adab orang Islam adalah sentiasa menyebarkan salam
8. Imbangi kehidupan keluarga kita dgn ajaran Rasulullah (Islam)
9. Kita harus tanamkan kecintaan kepada Rasulullah sepanjang masa
10. Sekiranya kita menjadi pemimpin kena sentiasa tenang sebagaimana diajar Rasulullah saw
11. Beramal kerana pahala dikhuatiri syirik; oleh itu mestilah kita beramal tidak lain melinkan kerana Allah
12. Zuhud bukan bermakna mengeneipkan dunia tetapi tidak hairan/cinta dunia secara keterlaluan
13. Ketahuilah bahawa orang alim diberi kelebihan oleh nampak yang tersurat dan tersirat
14. Sayidina Ali ra amat menghormati orang yang memberi ilmu kepadanya hatta satu orang gila yang mengajarnya mengenali anjing jantan/betina
15. Kita berusaha memperkasa English tapi anehnya kita langsung mengabaikan Bahasa Arab - bahasa Al-Quran, bahasa akhirat
16. Sayidatina Aishah banyak berjasa kepada umat Islam kerana banyak meriwayatkan hadis; malangnya kita sering melupakannya - contohnya barapa kali kita sedekah (fatihah, tahlil dsb) kpdnya?
17. Pendakwah mesti menyampaikan ilmu hanya kerana Allah bukan kerana lain eg. Pandangan kumpulan/parti masing-masing.
18. Jika hendak bermusafir dinasihatkan berwasiat, bermaafan kerana kita tidak tahu ajal/maut kita bila sampainya
19. Kejahilan berpunca dari kemalasan menuntut/mempelajari ilmu
20. Hari ini manusia banyak berlaku zalim - ada jadual aktiviti harian tapi mengeneipkan jadual ibadah; sembahyang, ke masjid/surau, majlis ilmu, etc.
21. Kita sering kufur nikmat - contohnya ada kenderaan yang baik tapi tidak mahu ke surau/masjid
22. Dizaman Sayidina Omar ra, kanak-kanak berani membunuh seorang Nasrani yang menghina Nabi saw lantaran kekuatan keimanannya dan rasa kecintaannya terhadap Rasulullah saw
23. Ketahuilah bahawa Istiqamah (walaupun dalam suatu amalan yang kecil) lebih baik dari 1000 karamah
24. Kita wajib ajarkan anak-anak agar kenal dan cintakan Nabi saw
25. Orang yang menghina Nabi saw dikira sebagai kafir - halal dibunuh
26. Rasul saw sentiasa dilindugni oleh makhluk lain dari pancaran panas matahari
27. Berbeza amalan orang berilmu dengan yang tidak dan amal yang besar adalah amalan kerana kasih kepada Allah dan Rasul saw
28. Peringatan bahawa dalam Islam tidak semua perkara berdasarkan logik akal semata sebagai menunjukkan tanda kebesaran Allah.

Kuliah Ust Osman – Kisah dari al-Quran

- Orang yang terbaik adalah mereka yang sering menyeru manusia ke jalan Allah dan mereka sentiasa membuat kebajikan - maka jalankan usaha dakwah terus-menerus, tanpa mengira taraf/pangkat, sentiasa sebutkan nikmat-nikmat Allah yang besar dan banyak
- Kisah Nabi Saleh (Surah Al A'raf ayat 73 hingga 79) menyeru kepada kaum Samut untuk menyembah Allah.
- Kaum Samut adalah pakar dalam mengukir batu yang kemudian menjadi sembahannya - Nabi Saleh menyeru agar mereka menyembah Allah
- Mereka juga memahat bukit-bukit untuk dijadikan kediaman mewah mereka - Nabi Saleh meminta agar mereka bersyukur kepada Allah
- Nabi Saleh juga mengingatkan tentang balasan-balasan Allah bagi setiap amalan mereka
- Kaum Samut meminta bukti kenabian Nabi Saleh maka didatangkan unta betina yang tidak boleh diganggu, akan timbul bencana jika dganggu
- Ref. Surah Al Qamar - kaum Samut tidak senang dgn seruan Nabi Saleh di atas dan mencabarnya agar menimpakan azab kpd mereka
- Kerana keingkarannya maka didatangkan putting beliung yang memusnahkan mereka menyebabkan mereka mati bergelimpangan



sambungan dari muka 1 – Al-Mizan

Demikianlah sepanjang pengertian dalam Firman Allah S.W.T yang bermaksud: *"Dan ada pun orang-orang yang berat timbangan (kebaikannya), maka dia berada dalam kehidupan yang memuaskan."* Surah Al-Qaari'ah ayat 6 dan 7.

Sebaliknya bagi manusia-manusia yang timbangan amal kebaikannya lebih ringan, yakni lebih berat timbangan amal kejahatannya, mereka adalah manusia-manusia yang memperoleh kerugian total dan kembalinya adalah kesuatu tempat yang penuh kedukaan, kecemasan, ketakutan, kesedihan, siksa dan kesengsaraan yaitu neraka yang apinya bergelojak dan menyala-nyala. Ini pun telah dijelaskan dalam Firman Allah yang bermaksud: *"Dan ada pun orang-orang yang ringan timbangan (kebaikannya), maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah. Dan tahukah kamu apakah neraka Hawiyah itu? (Yakitu) api yang sangat panas."* Surah Al-Qaari'ah ayat 8 hingga 11.

Begitu pula disebutkan dalam Firman Allah yang bermaksud: *"Maka siapa yang berat timbangan kebaikannya, mereka itulah orang-orang yang beruntung (berjaya). Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat kami."* Surah Al-Araf ayat 8 dan 9.

Demikian itulah ketegasan Allah dalam Al-Quran. Maka dari itu bila kita menginginkan agar timbangan amal kebajikan kita dapat lebih berat kelak dihari kiamat nanti, maka tiada jalan lain kecuali kita harus benar-benar berusaha memperbanyak amal soleh, mohon magfiroh dan keredaan Allah.

## Quality Time With Dad - Tips for Muslim fathers

It has been estimated that working fathers spend about 3 minutes a day with their children. Fathers who abandon their families, fathers who rarely see their children because of divorce, and fathers who are busy and have very little or nothing to do with the raising of their children are common.

Dad gets up early, takes the long drive to work, gets off late, takes the long drive home, and gets home very tired. He just wants to have supper, relax a little, and go to bed so that he can repeat the same routine the next day. Every now and then, he tells himself that he will spend more time with his children tomorrow. But Muslims aren't like that, you say. Perhaps. How much time do you spend with your children in the day? Not just in the same house, but together --- really together.

"Cats in the Cradle", by Harry Chapin tells the sad story of a boy who always tries to spend time with his father, but always finds him too busy. When the boy grows up and the father gets older, the father always wants to spend time with his son, but his son always has other things to do. Quality time spent between a father and his children is essential for both the parent and the children. The children need to know that their father loves and cares for them, and the father needs to be careful that he doesn't lose his relationship with his children by neglect.

### Tips to Improve Father-Child Relationship

There are several ways a father can spend quality time with his children and develop a relationship with them. Even if he is extremely busy, he can probably free up enough time to do some of these things.

**1. Show your children in simple ways that you love them** - Some fathers try to appeal to their children by showering them with gifts rather than giving of themselves. This may cause more harm than good. The simple example of Prophet Muhammad (sallallahu alaihi wassallam) is much better. When his daughter Fatima (May Allah be pleased with her) would come to him, the Prophet (sallallahu alaihi wassallam) used to stand up, kiss her, take her hand, and give her his seat. Later in life, this personal type of affection will be much more memorable to children than receiving a gift that anyone could have given them.

**2. Tell or read your children stories on some nights before bed** - There are lots of excellent Islamic stories and books available that you can use, or you can make up your own. A twist on this idea is to ask your children to make up stories to tell you.

**3. Teach your children to make wudu and pray with you** - If at home, praying together as a family- Jamat (congregation) is better than praying alone. Children love to call azan. Make the youngest one the salat manager at home, taking care of prayer rugs, timing, and inviting everyone to salat.

**4. Take your children to the masjid with you** - Once your child is old enough to know how to behave in the masjid, this is an excellent way for you to build a relationship with them as both a father and a Muslim.

**5. Play with your children** - You could play ball, color pictures, build toy houses from blocks, or do whatever they like.

**6. Let your children help you with simple tasks** - Allow them to help you carry in the groceries, make dinner, or mow the yard. Children often get great joy from doing things that adults consider work.

**7. Take the family to for a picnic** - Spend time with your children playing Frisbee, passing a ball, or pushing them in the swings. Your children will cherish this special time together as a family.

**8. Help your children with their homework** - Show them that you are truly interested in their education and life by asking them what they did in school and looking at their books, projects, and assignments with them.

**9. Have regular meals as a family** - It is very important that the family get together and have meals, so they may talk about each others days and issues.

**10. Use driving time with your children** - Don't just turn on the news and forget your children when they are in the car with you. Talk or joke with them, or sing Islamic songs together.

**11. Give your small children a bath sometimes** - Usually, mothers bathe the children, but bath time is an excellent opportunity for fathers to be with their kids. Let them splash around and play a little more than mum does.

**12. Be available for your children** - Let them know that you are there for anything they want to discuss. If you are not available to talk to your children, somebody else probably will be, and it may be the wrong kind of person. A good way of getting to know your children better as individuals is to take them out one at a time for eating, conversation, or some other event.

**13. Practice talking with your child, not at him/her** - Since the father often takes the main responsibility for disciplining the children, it is very easy for fathers to merely become order-givers rather than parents and companions of their children. Spend some time listening, rather than talking.

We only have one chance to be with our kids before they grow up. If we want them to love us and respect us when we are old, we have to build those relationships while they are young.

Fathers usually don't have the time to devote to their children that mothers do. But if we make the little time we have with our children quality time, we still might be able to build enduring relationships with them before it's too late.

By Ibrahim Bowers Courtesy: [www.everymuslim.com](http://www.everymuslim.com)

### Think to Ponder

A monkey on a tree hurled a coconut at the head of a Sufi. The man picked it up, drank the milk, ate the flesh and made a bowl from the shell.

Khalifah Abu Bakar as-Siddique ra sermon after his appointment as the first Caliph:

*"O people! Even though I am not the best of you, I have been given the responsibility of ruling you. I will consider the weakest among you strong until I claim for them whatever is their due. And the strongest among you I will consider weak until I have taken from them whatever is due from them. O People! I am a follower (of the Prophet), not an inventor. So, if I do well, assist me! And if I deviate, straighten me out! And reckon with yourselves before you are taken to reckoning!*

*No people ever abandoned jihad in the way of Allah except that Allah afflicted them with disgrace! And never did an obscenity appear among people except that Allah caused disaster to spread among them! Then obey me as long as I obey Allah! But if I disobey Allah or His Prophet, you owe me no obedience! I really prefer that another one of you should have been given (and spared me) this responsibility! An if you expect me to assume the same role as the Prophet in relation to wahyu (revelation), I cannot do that. I am only human, so make allowance for me.*

## Petikan Al-Quran/Hadith

" Sesungguhnya Allah tidak berbuat zalim kepada manusia sedikit pun, tetapi manusia itulah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri." Maksud Surah Yunus ayat 44.


" Janganlah kamu saling dengki, saling benci dan saling sinis. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara ." – Hadis Riwayat Muslim

## TANDA ULAMAK AKHIRAT DAN ULAMAK DUNIA

Imam Al Ghazali menyatakan beberapa dalil Al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. dengan kelebihan ilmu dan ulamak; dan beberapa hadith yang mencela ulamak yang menjatuhkan dirinya sebagai martabat ulamak yang mana mereka akan disiksa diakhirat kelak .

Ulamak dunia bermaksud, orang yang berilmu dan mengqasadkan harapan kepada kesedapan dunia untuk memperlihatkan kemegahan kepada ahli dunia. Ini adalah sejahat-jahat maksiat yang dimurkai oleh Allah S.W.T. Maksud sabda Rasulullah s.a.w. "Jangan kamu menuntut ilmu bertujuan bermegah-megah sesama manusia dan kepada ulamak, dan berhujjah dengan orang tiada akal, kemudian memalingkan (mempengaruhi) muka manusia kepada kamu agar manusia memuji kamu . Maka sesiapa yang membuat demikian ia akan disiksa di dalam neraka," dan maksud Sabda Rasulullah s.a.w. "Amat dahsyat siksaan Allah Swt. pada hari kiamat terhadap orang yang alim yang tiada memberi manfaat oleh Allah S.W.T dengan ilmunya." Dan maksud sabda Rasulullah s.a.w lagi, "Sesiapa yang bertambah ilmunya pada hal tiada bertambah hidayatnya nescaya tiada bertambah dari Allah melainkan jauh dari rahmat Allah SW.T" dan maksud sabda Rasulullah s.a.w lagi, "Lagi akan datang pada akhir zaman dimana kebanyakan orang yang melakukan ibadat dalam suasana jahil dan kebanyakkan ulamak pada waktu itu fasik." Dari Saidina Umar r.a. bermaksud, "apabila kamu melihat akan orang yang alim pada hal kasih ia kepada dunia maka kamu tohmahkan dia yakni jangan kamu percaya kepadanya dan jangan mengambil ilmu agama daripadanya."

Adapun alamat Ulamak Akhirat amat banyak, diantaranya ialah tiada sekali-kali makan dengan sebab agamanya, yakni tidak menjadikan agamanya sebab bagi mendapat makanan dan pakaian kerana habuan dunia, dan tidak menjual akhiratnya dengan dunia. Menurut Imam Al Ghazali di dalam Ihya', tanda-tanda Ulamak Akhirat ialah bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu akhirat, gemar melakukan ibadat, menjauhi akan ilmu yang tidak memberi manfaat dalam negeri akhirat yakni gemar berbantah-bantah dan banyak meniru perkataan orang dan perkataan atau pendapat dirinya yang tiada memberi manfaat negeri akhirat. Wallahualam.



Important to have friends . . .



## BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



**KARNIVAL HARI IBU PERINGKAT KOTA DAMANSARA** – Rangkaian Masjid dan Surau Kota Damansara akan mengadakan karnival ini di Padang Dewan Komuniti Seksyen 7, Kota Damansara pada **SABTU 2 Jamadilawwal 1428H/19 Mei, 2007** mulai dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 malam. Sempena majlis tersebut, satu Wacana Ilmu bertajuk "Keluarga Indah Bersama Rasulullah saw" akan diadakan dengan ahli-ahli panel terdiri dari Lt. Kolonel Datuk Jamil Khir (KAGAT), Ust Wan Sohor Bani Leman (UIA), Prof. Dr. Azizan Baharudin (UM) dan Ust Halim Din selaku moderator. Turut diadakan:

- Forum bertajuk "Siti Khadijah – Ibu Mithali, Serikandi Ekonomi"
- Pertandingan Mewarna kanak-kanak Tadika
- Pertandingan bercerita kanak-kanak sekolah rendah
- Demonstrasi RIAS dan Busana Muslimah
- Pertandingan Gubahan Bunga Kering, Manik dan Buah-buahan
- Penganugerahan Tokoh Ibu Kota Damansara
- Pemeriksaan Kesihatan percuma
- Gerai-gerai Jualan dan lain-lain lagi

Semua dijemput datang beramai-ramai bagi memeriahkan lagi majlis.

**CERAMAH KHAS** – Satu Ceramah Khas oleh Imam dari Masjid Perth, Australia akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **KHAMIS 22 Rabiulakhir 1428H/10 Mei, 2007**. Kedatangan beliau adalah bersempena dengan Expo Barangan Halal Antarabangsa 2007 yang sedang berlangsung di KLCC. Ini merupakan peluang terbaik untuk kita mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai makanan HALAL khususnya produk yang diimport dari Australia. Justeru semua muslimin/muslimat dijemput hadir dan tidak melepaskan peluang ini.

**CERAMAH MOTIVASI** – Satu Ceramah Motivasi bertajuk "Komunikasi Dalam Kehidupan Keluarga" akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **SABTU 9 Jamadilawal 1428H/26 Mei, 2007** selepas solat Isya'. Ceramah akan disampaikan oleh Dr. Abdul Shatar Sabran dari Universiti Putra Malaysia. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir.

**PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9** – Sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Penajaan secara individu atau berkumpulan amatlah dialu-alukan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115).

### Racun & Penawar

Kubur Setiap Hari Menyeru Manusia Sebanyak Lima Kali;

1. Aku rumah yang terpendil, maka kamu akan senang dengan selalu membaca Al-Quran.
2. Aku rumah yang gelap, maka teranglah aku dengan selalu solat malam.
3. Aku rumah penuh dengan tanah dan debu, bawalah amal soleh yang menjadi hamparan.
4. Aku rumah ular berbisa, maka bawalah amalan Bismillah sebagai penawar.
5. Aku rumah pertanyaan Munkar dan Nakir, maka banyaklah bacaan, "Laaa ilaha illallah, Muhammadur Rasulullah", supaya kamu dapat jawapan kepadanya.

Lima Jenis Racun dan Lima Penawarnya;

1. Dunia itu racun, zuhud itu ubatnya.
2. Harta itu racun, zakat itu ubatnya.
3. Perkataan yang sia-sia itu racun, zikir itu ubatnya.
4. Seluruh umur itu racun, taat itu ubatnya.
5. Seluruh tahun itu racun Ramadhan itu ubatnya.